



## KENYATAAN MEDIA

### PELANJUTAN LANJUTAN LANGKAH-LANGKAH PENGAWALAN “OPERASI PULIH”

***Bandar Seri Begawan, Rabu, 13 Oktober 2021***

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mengambilkira situasi jangkitan wabak COVID-19 yang masih tidak menunjukkan penurunan, Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa langkah-langkah pengawalan “Operasi Pulih” yang telah diumumkan sebelum ini pada Sidang Media Kementerian Kesihatan, masing-masing pada 3 September dan 1 Oktober 2021, adalah **dilanjutkan selama 14 hari lagi iaitu dari hari Isnin, 18 Oktober 2021 sehingga hari Ahad 31 Oktober 2021**.

Pelanjutan “Operasi Pulih” ini adalah bagi memastikan kebaikan dan kesejahteraan semua pihak terus terjamin dengan mengurangkan pergerakan bagi membendung risiko penularan jangkitan COVID-19 di negara ini. Selain itu, keberkesanan langkah-langkah pengawalan ini akan dapat dilihat selepas dua (2) tempoh penuh inkubasi (*full incubation periods*) bagi virus berkenaan, iaitu selama empat (4) minggu.

Semenjak pelaksanaan “Operasi Pulih” yang mula berkuatkuasa 10 hari yang lalu, banyak perkara telah dipelajari di sepanjang pelaksanaan operasi berkenaan. Oleh itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak amnya dan rakyat serta penduduk Negara Brunei Darussalam khasnya di atas kesabaran mereka dalam terus mematuhi garis panduan kesihatan dan sekatan-sekatan yang telah ditetapkan dalam sama-sama membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Walau bagaimanapun, juga terdapat segelintir masyarakat masih didapati ingkar dan melanggar peraturan yang ditetapkan di sepanjang “Operasi Pulih” berkenaan dan ini jelas menimbulkan keimbangan bagi kita semua. Oleh itu, **jumlah denda kompaun bagi pelanggaran peraturan berkaitan “Operasi Pulih” akan dinaikkan daripada \$100 kepada \$500 bagi setiap kesalahan.**



Selain itu, **denda kompaun juga akan dilaratkan kepada pihak syarikat yang mana pekerja-pekerjanya didapati meninggalkan tempat tinggal pada waktu “Operasi Pulih” (08.00 malam hingga 04.00 pagi) tanpa surat pengesahan yang sah dengan dikenakan denda berjumlah \$500 bagi setiap kesalahan.**

**Mana-mana individu yang didapati tidak patuh kepada peraturan langkah-langkah “Operasi Pulih” dan dikenakan denda akan diterbitkan nama masing-masing melalui media massa, sama ada nama individu mahupun nama syarikat dan pekerja.**

Sebagai tambahan, orang awam bolehlah menghubungi Pusat Koordinasi Kebangsaan Menangani COVID-19 yang beroperasi selama 24 jam setiap hari, jika terdapatnya sebarang insiden pelanggaran peraturan atau Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedures - SOPs*). Berikut adalah talian-talian ‘hotline’ yang dapat dihubungi:

- 8176148
- 8175148
- 8166148
- 8155148

Bagi mengelakkan perkara ini berulang lagi pada masa akan datang dan memastikan semua pihak sama ada pihak majikan, warganegara tempatan atau asing lebih faham akan langkah-langkah pengawalan “Operasi Pulih” yang dijalankan dan berkuatkuasa ketika ini, pihak Kerajaan akan menyediakan risalah-risalah pelbagai bahasa untuk diberikan kepada semua masyarakat di negara ini, dan ini dapat memudahkan pihak majikan untuk menerangkan lebih terperinci kepada pekerja-pekerja mereka.

Orang ramai terutamanya pemilik-pemilik syarikat di Negara Brunei Darussalam, adalah menjadi tanggungjawab bagi setiap majikan, sama ada syarikat ataupun persendirian, untuk memastikan supaya pekerja-pekerja masing-masing mematuhi peraturan-peraturan dalam menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 yang masih tidak stabil di negara ini.

Di samping itu, para Penghulu Mukim dan Ketua Kampong – selaku lidah, mata dan telinga Kerajaan – juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan penduduk-penduduk kampung untuk patuh dengan arahan-arahan seperti tidak meninggalkan tempat tinggal, mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan penjarakan fizikal dan tidak mengadakan majlis-majlis keramaian. Di samping itu,



para Penghulu Mukim dan Ketua Kampong juga hendaklah memantau kesejahteraan anak-anak buah mereka dengan memastikan mereka dalam keadaan yang sihat dan baik serta menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Dari segi hal ehwal kebajikan masyarakat pula, orang ramai yang tinggal bersendirian dan memerlukan bantuan bolehlah mendapatkan sebarang nasihat dan bantuan daripada Ketua Kampung masing-masing serta menghubungi talian *hotline* Pusat Koordinasi Kebangsaan Menangani COVID-19 yang disebutkan diatas atau Talian Kebajikan 141.

Manakala bagi isu-isu kesejahteraan berkaitan pekerja-pekerja asing termasuk rumah-rumah yang menempatkan pekerja-pekerja syarikat, beberapa kementerian pada masa ini sedang membuat pemantauan bagi menangani isu tersebut, yang mana satu jawatankuasa yang dianggotai oleh pelbagai agensi telah ditubuhkan untuk mengenalpasti tindakan-tindakan dengan segera serta strategi jangka panjang untuk menjaga kesejahteraan pekerja-pekerja asing dan menangani isu-isu yang ditimbulkan.

Oleh itu, marilah kita sama-sama mendokong hasrat kerajaan supaya kita semua turut sama-sama memelihara keselamatan dan kesejahteraan awam dengan mematuhi protokol kesihatan dan garis panduan yang telah ditetapkan. Di atas kerjasama semua pihak setentunya sangat-sangat dihargai. Kita hendaklah terus berdoa dan sama-sama berusaha di samping bertawakal kepada Allah Subhaanahu Wata'ala supaya kita dihindari dan terselamat daripada penyakit wabak COVID-19.

### **JABATAN PERDANA MENTERI**

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

6 Rabiulawal 1443

13 Oktober 2021



## MEDIA STATEMENT

### EXTENSION OF “OPERASI PULIH” CONTROL MEASURES

***Bandar Seri Begawan, Wednesday, 13<sup>th</sup> October 2021***

With the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and in consideration of the COVID-19 situation which has still not shown any signs of abating, the Prime Minister's Office hereby announces that the “Operasi Pulih” control measures that were previously announced at the Ministry of Health Press Conference on 3<sup>rd</sup> September and 1<sup>st</sup> October 2021, will be **extended by a further 14 days, starting Monday, 18<sup>th</sup> October 2021 till Sunday, 31<sup>st</sup> October 2021.**

This extension of “Operasi Pulih” is to ensure that the well-being of all parties continue to be safeguarded by way of reducing movement to minimise the spread of the pandemic in this country. Aside from that, the effectiveness of these control measures can be observed after two (2) full incubation periods for the virus, which equates to four (4) weeks.

Since the start of “Operasi Pulih” which came into effect 10 days ago, several learnings have been obtained throughout the course of the operation. In that regard, the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam wishes to express appreciation to all parties in general and the citizens and residents of Brunei Darussalam in particular, for their patience in continuing to adhere to the health guidelines and restrictions that had been established, in together curbing the spread of the COVID-19 pandemic in the country.

Unfortunately a fraction of the community have been found in violation of the regulations throughout the course of “Operasi Pulih”, and this is clearly a matter of grave concern. In that regard, **the compound fee for violation of regulations related to “Operasi Pulih” will be increased from \$100 to \$500 for each offence.**

In addition, **the compound will also be imposed on companies whose workers have been found to have left their respective houses during the “Operasi Pulih” period (8.00 p.m. till 4.00 a.m.) without a valid authorisation letter, to the amount of \$500 for each offence.**



**The names of any individuals found to have disobeyed or been in violation of the rules under “Operasi Pulih” and who have been fined will be publicised through the mass media, whether they are names of individuals, or even of companies and workers.**

In addition, the public can contact the National Coordinating Centre for COVID-19, which operates 24 hours a day, to report any incidents that violate the regulations or Standard Operating Procedures (SOPs). The hotline numbers that can be contacted are as follows:

- 8176148
- 8175148
- 8166148
- 8155148

In order to avoid a recurrence of the matter in future and to ensure that all parties – whether they are employers, local or foreign – fully appreciate the “Operasi Pulih” control measures, the Government will issue pamphlets in various languages to be disseminated to all communities in the country. This is to facilitate employers in providing a more detailed explanation to their respective staffs.

For members of the public, primarily business owners in Brunei Darussalam, it is the responsibility of every employer, whether company or private employer, to ensure that employees adhere to the rules and regulations in dealing with and curbing the spread of the COVID-19 pandemic which still has yet to stabilise in the country.

In addition, Penghulu-Penghulu Mukim and Village Heads – as the voice, eyes and ears of the Government – also have a major role to play in ensuring that village residents abide by the instructions including not leaving their homes, practising social responsibility through social distancing and by not holding any gatherings. Aside from this, the Penghulu-Penghulu Mukim and Village Heads are also expected to oversee the well-being of the residents by making sure that they are in good health and in good spirits, whilst also lending a helping hand to those in need.

In the aspect of welfare, those living alone who require assistance may obtain advice and assistance from their respective Village Heads or by contacting the above-mentioned National Coordinating Centre for COVID-19 hotline or *Talian Kebajikan 141*.



Meanwhile for welfare matters in relation to foreign workers, including housing for company workers, a number of ministries are currently carrying out observations to address the issue, whereby one multi-agency committee has been set up to identify immediate actions as well as long-term strategies to safeguard the well-being of foreign workers, whilst at the same time addressing the issues raised.

Let us work hand in hand to support the government to ensure the safety and well-being of the nation in adhering to the safety protocols and guidelines that have been issued. The cooperation of all is certainly highly appreciated. We must continue to pray, work together, and have faith in Allah Subhaanahu Wa Ta'ala that we will be safe from the COVID-19 pandemic.

***PRIME MINISTER'S OFFICE***

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

6<sup>th</sup> Rabiulawal 1443  
13<sup>th</sup> October 2021